

SOALAN LAZIM PERGERAKAN PELAJAR INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN (ILKBS) SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP):

- 1. Adakah pelajar yang masih berada/terkandas di lokasi semasa boleh dibenarkan pulang ke rumah masing-masing?**

Jawapan: Pelajar yang masih berada/terkandas di lokasi semasa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing yang terletak di zon hijau bermula 4 Mei 2020. Pergerakan pelajar dilakukan secara berperingkat mengikut jadual yang diatur oleh ILKBS masing-masing yang mana pelajar perlu berada di ILKBS yang ditetapkan (*check point*).

Pelajar yang berada di zon merah sama ada dari lokasi semasa atau lokasi yang hendak dituju tidak dibenarkan pulang. Pelajar juga perlu mengesahkan tiada ahli keluarga yang disyaki positif Covid-19 dan perlu merancang untuk terus tinggal di lokasi semasa atau ke rumah saudara yang lain.

- 2. Adakah pelajar yang memiliki kenderaan persendirian dibenarkan untuk pulang sendiri ke kampung halaman masing-masing?**

Jawapan: Pelajar yang memiliki kenderaan sendiri dibenarkan memandu pulang dengan syarat perjalanan tidak merentas negeri (*interstate travel*) dan mereka hanya memandu kenderaan seorang sahaja. Sebelum memulakan perjalanan, mereka perlu mendapat surat kebenaran pergerakan dari ILKBS dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) berdekatan. Bagi pelajar yang ingin pulang ke rumah dengan merentasi negeri, mereka tidak dibenarkan memandu kenderaan sendiri tetapi mesti menaiki pengangkutan yang disediakan oleh ILKBS.

- 3. Keluarga saya ingin mengambil saya di lokasi semasa untuk pulang ke rumah. Adakah prosedur ini dibenarkan?**

Jawapan: Tidak. Keluarga pelajar tidak dibenarkan mengambil pelajar di mana-mana lokasi semasa pelajar berada/terkandas.

- 4. Adakah pihak ILKBS menyediakan pengangkutan untuk pulang ke kampung masing-masing?**

Jawapan: Ya. Pihak ILKBS menyediakan pengangkutan untuk pelajar pulang ke kampung masing-masing.

5. **Adakah pihak ILKBS menyediakan pengangkutan bagi pergerakan pelajar di antara Semenanjung ke Sabah, Sarawak dan Labuan?**

Jawapan: Ya. Pihak ILKBS menyediakan penerbangan sehalal sahaja sehingga ke destinasi yang hendak dituju. Pelajar akan menggunakan lapangan terbang yang berdekatan dan tertakluk kepada pengoperasian lapangan terbang tersebut.

6. **Bagaimana prosedur ILKBS membawa pulang pelajar balik ke kampung halaman masing-masing di Semenanjung?**

Jawapan: Bagi pelajar yang memerlukan perhatian dan bantuan untuk ke *check point*, pelajar boleh menghubungi ILKBS terdekat untuk mereka dibawa ke ILKBS berkenaan. Pengangkutan akan diuruskan oleh ILKBS dengan menggunakan kenderaan jabatan dan akan terus ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) di kampung masing-masing. Seorang pegawai perhubungan (*liaison officer*) ditugaskan mengiringi pelajar untuk pulang.

7. **Bagaimana pula dengan pelajar yang kampung halamannya masih diklasifikasikan sebagai kawasan zon merah atau terdapat ahli keluarga yang disyaki positif Covid 19?**

Jawapan: Pelajar tidak dibenarkan pulang ke rumah yang berada dalam zon merah atau jika terdapat ahli keluarga yang disyaki positif Covid 19. Bagaimanapun, pelajar boleh pulang ke rumah saudara terdekat yang berada dalam zon hijau. Pelajar perlu terlebih dahulu mendapatkan surat persetujuan daripada saudara yang berkenaan dan merujuk kepada ILKBS masing-masing.

8. **Saya tidak mahu tinggal di institut dan tidak mahu pulang ke kampung halaman. Saya memilih untuk tinggal bersama saudara/kawan di rumahnya. Adakah prosedur ini dibenarkan?**

Jawapan: Ya, dibenarkan. Pelajar yang ingin tinggal bersama saudara/kawan perlu memastikan tiada ahli keluarga/kawan yang disyaki positif Covid-19 dan mendapatkan surat kebenaran daripada keluarga saudara/kawan terbabit. Surat itu mesti dikemukakan kepada pihak ILKBS. Rumah yang dituju mestilah berada di zon hijau.

9. Bagaimana dengan pelajar yang tinggal di rumah sewa? Adakah ILKBS akan menguruskan perjalanan untuk pulang ke kampung halaman?

Jawapan: Pelajar perlu berhubung dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), ILKBS masing-masing dan segera memberikan maklumat lengkap pelajar supaya setiap ILKBS boleh menguruskan perjalanan pulang ke kampung halaman.

10. Adakah pihak ILKBS akan melakukan saringan gejala sebelum membenarkan pelajar balik?

Jawapan: Ya. Pihak ILKBS akan melakukan saringan gejala (suhu badan sakit tekak, batuk, selesema dan sesak nafas) sebelum membenarkan pelajar pulang.

11. Bagaimana dengan pelajar yang gagal proses saringan gejala?

Jawapan: Pelajar yang gagal proses saringan gejala tidak dibenarkan pulang dan akan dihantar ke Klinik Kesihatan/Hospital serta akan dirujuk kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tindakan selanjutnya.

12. Adakah pelajar yang telah tiba di rumah masing-masing perlu melalui tempoh kuarantin?

Jawapan: Ya. Pelajar dinasihatkan menjalani kuarantin diri selama 14 hari di rumah masing-masing.

13. Adakah pelajar yang pulang ke Sabah, Sarawak dan Labuan perlu dikuarantin?

Jawapan: Ya. Pelajar dinasihatkan menjalani kuarantin diri selama 14 hari di rumah masing-masing.

Bagi pelajar yang berasal dari Sarawak, ILKBS perlu memastikan pelajar telah berdaftar dengan Rumah Sarawak serta mematuhi segala prosedur atau arahan dari pihak tersebut dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBN).

- 14. Bagaimana dengan urusan penghantaran pelajar ke rumah masing-masing dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) berdekatan di setiap negeri?**

Jawapan: Bagi pelajar yang rumah mereka berada dalam lingkungan sepuluh kilometer dari IPD, ibu/bapa atau penjaga sahaja diberi kelonggaran untuk menjemput anak masing-masing. Walau bagaimanapun, jika pelajar tersebut tidak mempunyai ibu/bapa atau penjaga yang boleh menjemput, pihak ILKBS/JBSN yang terdekat akan menghantar pelajar pulang ke rumah.

- 15. Apakah langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil oleh pelajar setelah tiba di kampung halaman?**

Jawapan: Pelajar dinasihatkan untuk mengikuti langkah-langkah keselamatan seperti berikut:

- i. Mematuhi semua arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);
- ii. Mengamalkan penjarakan sosial; dan
- iii. Mengikut nasihat kesihatan dikeluarkan oleh KKM.

- 16. Bagaimana ILKBS memastikan keselamatan dan kesihatan pelajar terjaga?**

Jawapan: Saringan gejala akan dijalankan sebelum pergerakan pelajar menaiki kenderaan dan kapal terbang. ILKBS akan menyediakan *hand sanitizer* untuk guna sama beserta topeng muka sebelum bergerak. Kesihatan pemandu kenderaan juga akan disaring dan kenderaan akan dinyahkuman terlebih dahulu. Semasa pergerakan, kenderaan akan berhenti dalam perjalanan hanya untuk tujuan kecemasan. Pelajar akan diiringi oleh pegawai perhubungan (*liaison officer*) sehingga pelajar sampai ke IPD berdekatan rumah pelajar.

- 17. Adakah makanan disediakan kepada pelajar sepanjang proses pergerakan pulang ke rumah?**

Jawapan: Ya, makan minum akan disediakan kepada pelajar terlibat.